

# ISU BAHASA: PM

BM - 4 OCT 1992

# JAWAB AKHBAR

Oleh Wan Hamidi Hamid dan Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR: Polemik mengenai kedudukan bahasa Melayu yang dihebohkan kebelakangan ini sengaja dijadikan isu oleh pihak tertentu, sedangkan rakyat tidak pernah mempersoalkannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau sendiri tidak tahu mengapa pihak tertentu menjadikan soal bahasa sebagai isu.

"Rakyat tidak pernah mempersoalkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

"Rakyat faham dengan tempat yang sudah diberi

kan kepada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bahasa lain yang tidak harus dipertikaikan lagi," katanya ketika ditanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar Utusan Malaysia yang menimbulkan isu bahasa dengan mempersoalkan kerajaan yang didakwa lebih mengutamakan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Majlis Tertinggi membincangkan panjang lebar

mengenai polemik bahasa dalam akhbar itu, yang turut mempersoalkan wawancara Dr Mahathir dalam bahasa Inggeris dengan sebuah stesen televisyen swasta Indonesia semasa Persidangan Kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) di Jakarta bulan lalu.

Perdana Menteri, yang juga Presiden Umno, berkata mesyuarat yang membincangkan perkara itu menerima hakikat bahawa dasar bahasa negara ini tidak berubah, iaitu bahasa Melayu yang dijadikan bahasa kebangsaan adalah bahasa rasmi negara, manakala bahasa

Inggeris sebagai bahasa kedua, bahasa perdagangan dan bahasa ilmu.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang mengarahkan akhbar menghentikan perdebatan mengenai isu bahasa, Dr Mahathir berkata, terpujang kepada media massa untuk memikirkan sendiri tindakan mereka.

"Jika kita (kerajaan) kata tidak boleh, nanti kita dikatakan menindas akhbar. Tetapi, jika sesuatu akhbar tidak ada isu lain dan mahu bangkitkan isu ini kerana sebab-sebab tertentu, terpujang kepada akhbar.

"Kita ada kebebasan

akhbar, tetapi kita percaya wartawan dan pengarang bertanggungjawab, iaitu bukan semata-mata mahu menjual akhbar tetapi merasai ada kepentingan negara yang harus diambil kira," katanva.

Mengenai iklan bahasa Inggeris di media massa tempatan, khususnya media elektronik, Perdana Menteri menjelaskan, terpujang kepada pihak swasta untuk mengiklankan barangan dan perkhidmatan mereka dalam bahasa yang boleh difahami pelanggan di pasaran.

Menurutnya, pengeluar

LIHAT MUKA 2

# RCTI mahu PM guna bahasa Inggeris

4 OCT 1954

## DARI MUKA 1

dan pengiklan boleh menentukan bahasa iklan mereka jika dirasakan ia boleh menguntungkan mereka.

"Bahasa Inggeris adalah bahasa komersil. Saya tidak fikir ada syarikat yang mahu membuat iklan yang orang tidak faham. Iklan bertujuan menarik perhatian. Tidak ada iklan dalam bahasa Russia atau Perancis di sini kerana orang tidak faham," katanya.

Sementara itu, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, yang juga Setiausaha Agung Umno berkata isu wawancara stesen televisyen swasta Indonesia, RCTI, dengan Perdana Menteri sewaktu Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) di Jakarta awal bulan lalu, dianggap selesai selepas RCTI mengaku ia meminta Dr Mahathir diwawancara dalam bahasa Inggeris.

Beliau berkata, RCTI sendiri menjelaskan kepadanya memang wawancara dengan Perdana Menteri diadakan dalam bahasa Inggeris kerana ia mahu memudahkan perwakilan NAM serta masyarakat asing mengikuti perjalanan sidang itu.

"Sepanjang Sidang Kemuncak NAM, RCTI mengadakan programnya dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, wawancara RCTI dengan Perdana Menteri juga dibuat dalam bahasa Inggeris dan ini bukanya bermaksud Dr Mahathir tidak mahu bercakap dalam bahasa Melayu," katanya.

Sehubungan itu, menurutnya, siasatan beliau mengenai perkara itu di Jakarta baru-baru ini membuktikan bahawa Perdana Menteri tidak berbohong dan sepatutnya pihak yang membuat kesilapan menyedari ia perlu meminta maaf.